

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Sent: 16 Mac 2017 14:49
To: UUM - All Staff
Subject: IBS : LAWATAN PROMOSI IBS KE INSPIN, IQDAR, PUSAT ZAKAT, BAHAGIAN HALAL , MAIK DAN JKSM ANAK BUKIT



Assalamualaikum, Salam Sejahtera and Salam 1 Malaysia
Y.Bhg. Prof. Dato' / Assoc.Prof/ Dr./ Sir/ Mdm



Rombongan seramai empat (4) orang terdiri daripada barisan penjawat Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), UUM telah membuat lawatan rasmi ke INSPIN, Institut Al-Quran Darul Aman (IQDAR), Pusat Zakat, Bahagian Halal, Maahad Tahfiz Al-Quran (MAIK) dan Jabatan Kehakiman Syariah dengan membawa satu misi iaitu mencari peluang memasarkan program-program peringkat sarjana muda dan pasca siswazah yang ditawarkan IBS. Ahli rombongan ini telah mengadakan perbincangan awal dengan institusi-institusi yang dilawati bagi mengadakan kerjasama penawaran program-program khususnya program pasca siswazah. IBS terus berusaha untuk membantu UUM dalam memasarkan program yang ditawarkan dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah khususnya.

Buat masa ini program pascasiswazah yang ditawarkan adalah Sarjana Pengajian Perniagaan Islam (MIBS), Sarjana Kewangan dan Perbankan Islam (MIFB) dan PhD. Institusi-institusi yang dilawati dilihat berminat dengan program pengajian yang ditawarkan dan bersedia untuk perbincangan lanjut berkaitan perkara ini. Kumpulan promosi ini adalah diketuai oleh Dr. Mohd Solehuddin Shuib, Ketua Jabatan Muamalat dan Pengurusan Halal. Turut serta dalam rombongan promosi tersebut adalah Prof Madya Dr. Zairani Zainol, Ketua Jabatan Kewangan Islam dan Ekonomi Islam, Dr Ahmad Khilmy Abd Rahim, Penyelaras Program BIFB-IFP dan Dr Mohd Murshidi Mohd Noor, Penyelaras Program Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (BMA).

Sekian.

=====

Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)
Kolej Perniagaan
Tel : 04-928 6659/6660/6661
Faks : 04-928 6653/6730



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.